

Malaysia mampu bolot lima emas

4 SEP 1968

KEJAYAAN skuad pelapis silat Sukan SEA '89 memenangi tiga pingat emas, tiga perak dan tiga gangsa di Kejuaraan Silat Jemputan Singapura, minggu lalu, membayangkan Malaysia berupaya memenangi lebih lima pingat emas di sukan terbesar di Asia Tenggara itu, tahun depan. *Back to 1967*

Tiga pingat emas itu dimenangi melalui pesilat Kelas A, Mohd Basri Abdul Rahman, Wan Adnan Wan Isa (F) dan Haslina Shahrudin (C), manakala Meor Badrul Hisham Kamarulzaman (C), Nazrah Latif

(A) dan Nor Anida Abdul Rahim (E) merangkul pingat perak.

Pingat gangsa diperolehi menerusi Azmi Manaf (B), M Rajaratnam (G) dan Rohana Manaf (D). Hanya Wan Amizah Wan Ahmad (B) dan Mazlan Abdul Samad (Bebas) gagal memenangi pingat.

Semua pesilat itu adalah 'bintang baru' yang dipilih menerusi Kejuaraan Silat Ke-

Oleh MOHD RAHIME YUSOF

bangsaan di Port Dickson pada 29 Julai lalu dan didedahkan kepada latihan pusat kebangsaan selama seminggu di Kuala Terengganu sebelum ke Singapura.

"Saya berpuas hati dengan kejayaan ini, lebih-lebih lagi kita menghantar kontinjen kecil sebelas pesilat," kata Pengurus sukad Sukan SEA '89, Haji Shafie Abdul Rahman. Malaysia menduduki tem-

pat kedua di belakang Indonesia yang memenangi empat pingat emas. Pasukan itu bagaimanapun menghantar skuad penuh di kejohanan yang disertai oleh 15 negara.

Haji Shafie berkata, kejayaan pesilat-pesilat itu membayangkan betapa berkesan latihan pusat setakat ini.

Katanya, latihan ala komando di Terengganu itu akan diteruskan dalam latihan pusat peringkat ketiga selama dua minggu pada awal Disember nanti.

B. Minggu (M)